

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

YMT 302 - Komunikasi Antarabudaya

Masa: [3 jam]

Jawab Soalan 1 dan TIGA (3) soalan lain.

1. Jelas dan bincangkan LIMA (5) daripada konsep-konsep berikut:

- a. Budaya popular
- b. Ideologi
- c. Pergelutan atau perebutan makna
- d. Stail
- e. Hegemoni
- f. Imperialisme budaya

(25 markah)

2. Apakah kaitan "gender" dan kelas dengan penggunaan teknologi komunikasi baru? Bincang dengan mengambil contoh-contoh yang jelas.

(25 markah)

3. Sejauh manakah benar kenyataan yang mendakwa bahawa pengajian budaya kecil terlalu berorientasikan budaya lelaki? Bincang dengan contoh-contoh.

(25 markah)

4. Apakah implikasi "budaya nasional" ke atas budaya-budaya kecil di Malaysia? Bincang dengan memberi contoh-contoh yang jelas.

(25 markah)

5. Muzik rock adalah candu golongan belia. Bincang kenyataan ini secara kritis dengan mengambilkira keadaan masyarakat Malaysia.

(25 markah)

...2/-

6. Sejauh manakah teater popular boleh membawa perubahan sosial? Jawapan anda hendaklah disokong dengan beberapa contoh.

(25 markah)

-ooooooo-